

Media Title : Utusan Borneo Sarawak
Headline : Keldai akaun didenda RM500
Date : 18 June 2025
Section : Tempatan
Page : 2



Keldai akaun didenda RM500

MIRI: Seorang keldai akaun didenda RM500 atau seminggu penjara oleh Mahkamah Majistret di sini semalam atas kesalahan memiliki sejumlah wang dalam akaunnya yang diperolehi secara tidak sah.

Hukuman itu dijatuhkan Majistret Ashok Linggam setelah tertuduh, Megeruben, 29, dari Ayer Itam, Pulau Pinang mengaku bersalah atas tuduhan yang dibacakan terhadapnya mengikut Seksyen 37 (1) Ordinan Kesalahan-Kesalahan Kecil 1958 (Sarawak).

Mengikut kesalahan ini, tertuduh boleh dikenakan hukuman penjara tiga bulan dan denda RM500, jika sabit

kesalahan.

Menurut keterangan kes, tertuduh didapati ada memiliki wang berjumlah RM810 di dalam akaun banknya yang diperolehi secara tidak sah.

Ketika disoal siasat lanjut polis, tertuduh gagal menjelaskan bagaimana wang berkenaan boleh ada di dalam akaunnya.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 2.28 petang, 4 Februari 2020 di sebuah cawangan bank di Pusat Komersial Boulevard di sini.

Pendakwaan dilakukan Inspektor Mudzilawati Abdul Rahman, manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.